

BULETIN PPVN

PELAN HALA TUJU PEMBANGUNAN VAKSIN NEGARA (PPVN)



KANDUNGAN

- Perutusan Pengarah
- Pengenalan MVPO
- Pengenalan PPVN
- Carta Organisasi
- Sorotan 2023
- Infografik
- Aktiviti MVPO
- Akan Datang 2024

Sidang Redaksi

- Ketua Editor:
 - Mohd Hazwan Md Ghazali
- Pereka Grafik dan Susun Atur:
 - Nadhiah Abd Rahman
 - Elena Mazlinda Mazlan
- Editor dan Penyumbang :
 - Bibi Faridha Mohd Salleh
 - Sabrina Kamin
 - Dr. Fatin Zahidah Abdul Aziz
 - Muhammad Imran Jamaluddin
 - Norhidayah Mohd Nasri
 - Nur Najdah Bee Jamaluddin
 - Nurwahyuni Mushtari

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita menjalankan gerak kerja PPVN sejak dilancarkan pada 1 November 2021.

Ini merupakan Buletin pertama PPVN yang merupakan langkah permulaan mempromosikan status pelaksanaan PPVN. Untuk edisi seterusnya, kita akan membuka peluang kepada pemegang taruh di dalam ekosistem vaksin untuk menyumbang kepada Buletin ini.

Secara umumnya, pembangunan vaksin manusia adalah kompleks, berisiko tinggi, dan mengambil masa kira-kira 10-15 tahun untuk membangunkan calon vaksin baru. Kos untuk membangunkan vaksin dengan menggunakan teknologi terkini juga adalah tinggi dan sememangnya untuk merealisasikan aspirasi PPVN ini memerlukan kesabaran dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak. Malaysia perlu menghasilkan vaksin sendiri bagi mengurangkan kebergantungan kepada negara luar dan bagi kesiapsiagaan negara sekiranya berlaku pandemik.

Kebanyakan projek yang dilaksanakan di bawah MOSTI masih di peringkat awal kajian. Kesemua kajian ini belum lagi mencapai tahap untuk dikomersialkan, namun begitu, MOSTI akan sentiasa menyokong segala usaha agar calon-calon vaksin dan platform teknologi yang dibangunkan ini boleh diteruskan di peringkat seterusnya dan dikomersialkan.

Saya dengan ini, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen dalam pelaksanaan PPVN sepanjang tahun 2023. Diharapkan semua pihak lebih cakna tentang perkembangan terkini dan terus memberi sokongan terhadap pelaksanaan PPVN.

Perutusan PENGARAH MVPO



"Malaysia perlu menghasilkan vaksin sendiri bagi mengurangkan kebergantungan kepada negara luar dan bagi kesiapsiagaan negara sekiranya berlaku pandemik"

**- YBrs. Dr. Mohd Azlan Zaharudin,
Pengarah MVPO**

OBJEKTIF

MVPO adalah Bahagian di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang ditubuhkan dengan mandat untuk menyelaraskan dan memantau pelaksanaan strategi Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN).



FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

- Mengenal pasti isu dan strategi untuk merapatkan jurang dalam pembangunan ekosistem vaksin negara.
- Menyelaraskan permohonan pembiayaan di bawah Dana Pembangunan dan Pengukuhan Penghasilan Vaksin Negara (DPVN) bagi penyelidikan strategik berimpak tinggi kepada negara.
- Menghubungkan pihak berkepentingan melalui penyelarasan rangkaian kerjasama antara agensi sama ada di peringkat dalam negara mahupun antarabangsa dalam ekosistem vaksin Malaysia.
- Melaporkan kemajuan pelaksanaan PPVN kepada Kumpulan Kerja Sektoran Vaksin Malaysia (MVSWG).
- Menghubungkan pembiayaan latihan di bawah Program Pembangunan dan Pengukuhan Penghasilan Vaksin Negara (Latihan Program Vaksin, LPV).



HUBUNGI KAMI:


PEJABAT PENGURUSAN PROJEK
PEMBANGUNAN VAKSIN MALAYSIA (MVPO)
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)
ARAS 5, BLOK C7, KOMPLEKS C
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62662 PUTRAJAYA



SEPINTAS LALU... PELAN HALA TUJU PEMBANGUNAN VAKSIN NEGARA

Sejarah PPVN


Kemunculan wabak COVID-19 telah memberi kesedaran tentang keperluan untuk menghasilkan vaksin tempatan dan menjadi negara pengeluar vaksin. Susulan daripada itu, Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN) dan penaiktarafan Malaysia Genome and Vaccine Institute (MGVI), telah dilancarkan oleh mantan YAB Perdana Menteri Malaysia ke-9 pada 1 November 2021. Ini merupakan satu inisiatif kerajaan bagi memantapkan ekosistem pembangunan vaksin negara dengan visi untuk mencapai kecukupan sendiri dalam penghasilan dan penyelidikan dan pembangunan (R&D) vaksin dalam masa 10 tahun.



Langkah ke Hadapan

Menerusi PPVN, Malaysia mampu mencorak laluan dalam mengeluarkan produk vaksin sendiri yang berkualiti, berkesan dan selamat mengikut syarat yang ditetapkan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara sekali gus menjadi hab pengeluar vaksin dan meningkatkan keyakinan terhadap penggunaan vaksin.

Tadbir Urus PELAN HALA TUJU PEMBANGUNAN VAKSIN NEGARA



PEJABAT PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN VAKSIN MALAYSIA (MVPO)



Dr. Mohd Azlan
Pengarah



Puan Bibi Faridha
Ketua Kluster
Halal dan Tadbir Urus



Encik Mohd Hazwan
Ketua Kluster
Vaksin dan Logistik



Puan Nadhiah
Ketua Kluster
Pembiayaan dan
Pembangunan Ekosistem



Puan Sabrina
Ketua Penolong
Pengarah
Halal dan Tadbir Urus



Puan Elena
Penolong Pengarah
Vaksin dan Logistik



Dr. Fatin
Penolong Pengarah
Pembiayaan dan
Pembangunan Ekosistem



Encik Imran
Penolong Pengarah
Kajian Klinikal dan R&D



Puan Rafidah
Ketua Pembantu Tadbir



Puan Zulaili
Pembantu Tadbir



Puan Rosza
Setiausaha

SOROTAN 2023



MESYUARAT FRATERNITI VAKSIN 25 SEPT 2023

25 SEPTEMBER 2023, PUTRAJAYA - satu Mesyuarat Fraterniti Vaksin bersama dengan YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Inovasi dan Teknologi (MOSTI) telah diadakan dan dihadiri oleh pelbagai pemegang taruh yang terdiri daripada pakar-pakar penyelidik, pakar dalam kajian klinikal dan pra-klinikal dan pemain industri farmaseutikal yang terlibat di dalam ekosistem pembuatan, pembangunan dan penyelidikan. Mesyuarat ini diadakan secara berkala iaitu setiap 6 bulan sekali.

Mesyuarat ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Dr. Nor Fariza binti Ngah, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan YBhg. Datuk Ts. Dr. Mohd Nor Azman Bin Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi), MOSTI.

BERSAMA YBM MOSTI



Sesi dialog yang turut diadakan di dalam mesyuarat ini adalah untuk berkongsi pandangan, komen serta cadangan khusus berkenaan pembangunan vaksin di Malaysia dalam meningkatkan keupayaan negara sebagai pengeluar vaksin manusia berdasar Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN).

SOROTAN 2023

21ST MEETING OF THE BOARD AND MEETING OF THE INVESTORS COUNCIL OF THE COALITION FOR EPIDEMIC PREPAREDNESS INNOVATIONS (CEPI) DI WASHINGTON D.C., USA - 7 HINGGA 10 MAC 2023



YBhg. Datuk Ts. Dr. Mohd Nor Azman bin Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi) MOSTI telah menghadiri 21st Meeting of the Board of CEPI. Mesyuarat tersebut merupakan satu mesyuarat tahunan bagi ahli lembaga CEPI.

Mesyuarat turut dihadiri YBrs. Pengarah MVPO. CEPI telah membuka banyak peluang dan faedah perkongsian maklumat dalam bidang sains, teknologi dan inovasi terutamanya dalam bidang vaksin.

MESYUARAT BILATERAL BERSAMA GREENLIGHT BIOSCIENCES (GLB) DI BOSTON, USA - 6 MAC 2023

Mesyuarat ini membincangkan potensi kerjasama antara Malaysia dan GLB dalam pembangunan bioteknologi khususnya vaksin. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh YBrs. Dr. Masita Arip daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.



AKTIVITI 2023

SESI LIBAT URUS BERSAMA PEMEGANG TARUH

PEMBENTANGAN KEPADA MENTERI KESIHATAN - 10 FEBRUARI 2023



Satu sesi taklimat kepada Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah diadakan. Taklimat disampaikan oleh YBhg. Datuk Ts. Dr. Mohd Nor Azman Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi) MOSTI. Perkara yang dibincangkan adalah kebersamaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dalam pelaksanaan Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN) dan penglibatan KKM sebagai pengerusi bersama NASCOV. Turut menyertai taklimat tersebut adalah YBrs. Dr. Ghows Azzam, mantan Pengarah Institut Genom dan Vaksin Malaysia (MGVI).

LAWATAN KERJA KE PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (PENYELIDIKAN & SOKONGAN TEKNIKAL) - 29 MEI 2023

Satu lawatan ke Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal) telah diadakan susulan pelantikan YBrs. Dr. Nor Fariza Ngah sebagai TKPK baharu. Melalui lawatan ini pembentangan berkenaan Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN) telah dibuat. Antara perkara yang diketengahkan adalah penglibatan syarikat dalam pembuatan vaksin dan pendanaan R&D vaksin.



AKTIVITI 2023

SESI LIBAT URUS BERSAMA PEMEGANG TARUH

LAWATAN KERJA KE TECHNOLOGY DEPOSITORY AGENCY (TDA) - 12 SEPTEMBER 2023



Lawatan kerja ini disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif TDA, Dr. Sharoul Jambari. MVPO telah membentangkan input, hasrat dan keperluan pemegang taruh vaksin yang ingin memperoleh manfaat daripada Program Kolaborasi Industri (ICP). Cadangan MVPO telah disambut baik oleh pihak TDA. Susulan daripada ini pejabat ini turut menyediakan cadangan senarai keperluan ICP untuk menyokong aspirasi dan inisiatif di bawah PPVN dalam merapatkan jurang pembangunan vaksin di Malaysia.

LAWATAN KERJA KE PEJABAT TKSU (KEWANGAN), KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA – 21 JULAI 2023

Satu lawatan diadakan ke Pejabat TKSU (Kewangan), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Antara perkara yang dibincangkan adalah kebolehlaksanaan *off-take* di bawah *The Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP)*.



SESI LIBAT URUS BERSAMA PEMEGANG TARUH



LAWATAN KERJA KE CLINICAL RESEARCH MALAYSIA - 25 MEI 2023

Kunjungan rasmi MVPO MOSTI ke Clinical Research Malaysia (CRM) telah diadakan bagi membincangkan potensi kolaborasi dan kerjasama dalam menjayakan PPVN melalui Teras Strategik kajian klinikal di Malaysia.

PPVN merupakan satu inisiatif Kerajaan bagi memantapkan ekosistem pembangunan vaksin negara. Menerusi PPVN, Malaysia mampu mencorak laluan dalam mengeluarkan produk vaksin sendiri yang berkualiti, berkesan dan selamat mengikut syarat yang ditetapkan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara sekali gus menjadi hab pengeluar vaksin serta meningkatkan keyakinan terhadap penggunaan vaksin.

Lawatan rasmi Pengarah MVPO, MOSTI ke Tropical Infectious Diseases Research & Education Centre (TIDREC) Universiti Malaya. Tujuan lawatan tersebut adalah bagi membincangkan potensi Kerjasama antara TIDREC dan MOSTI dalam memastikan aspirasi PPVN tercapai.

Selain itu, turut dibincangkan adalah cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan pembangunan dan penyelidikan (R&D) vaksin di Malaysia. Sesi libat urus tersebut diakhiri dengan lawatan ke tiga (3) makmal di TIDREC iaitu Vaksin Lab, Antiviral Lab, WHOCC Lab dan Arthropod Lab.



KUNJUNGAN RASMI KE TIDREC, UM - 9 JUN 2023

AKTIVITI 2023

SESI LIBAT URUS BERSAMA INDUSTRI

KUNJUNGAN CANSINO BIOLOGICS KE MVPO - 19 SEPTEMBER 2023



MVPO telah menerima kunjungan daripada CanSino Biologics, China. Antara perkara yang dibincangkan adalah kerjasama strategik yang dapat dijalankan bagi memastikan pelaksanaan PPVN. Antara bentuk kerjasama strategik adalah pembangunan fasiliti di MGVI, latihan kepakaran saintis di Malaysia dan pemindahan teknologi daripada CanSino Biologics ke Malaysia bagi membolehkan Malaysia menghasilkan vaksin.

LAWATAN KERJA KE BIOECONOMY CORPORATION - 2 FEBRUARI 2023

Satu mesyuarat bersama Bioeconomy Corporation telah diadakan bagi membincangkan potensi kerjasama Bioeconomy Corporation sebagai rakan strategik bagi aktiviti-aktiviti di bawah PPVN. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Encik Mohd Khairul Fidzal Abdul Razak, Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corporation.



AKTIVITI 2023

SESI LIBAT URUS BERSAMA INDUSTRI

LAWATAN KERJA KE SOLUTION BIOLOGICS SDN BHD - 21 MAC 2023



Satu lawatan kerja ke Solution Biologics bertujuan meninjau fasiliti pembuatan vaksin. Antara perkara yang dibincangkan adalah potensi Kerjasama & perancangan syarikat bagi pembangunan infrastruktur & pengeluaran vaksin tempatan. Lawatan tersebut diketuai oleh Mr Barry Lim Yong Hew (Group Managing Director of SGB) dan turut dihadiri oleh Dato Dr Mohd Nazlee bin Kamal (CEO of SOLBIO).

LAWATAN KERJA KE FASILITI K3 & K5 DUOPHARMA BIOTECH BERHAD - 18 APRIL 2023

Satu lawatan kerja ke fasiliti K3 & K5 Duopharma Biotech Berhad bagi melihat kapasiti Duopharma Biotech Berhad dalam penghasilan produk biosimilar & vaksin tempatan. Lawatan turut disertai YBhg. Datuk Ts. Dr. Mohd Nor Azman Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi) MOSTI. Lawatan tersebut diketuai oleh Dato' Dr. Anas Alam Faizli, Ketua Pegawai Eksekutif (Korporat).



RETREAT MVPO 2023

LAWATAN RASMI MVPO KE
MAKMAL PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN VAKSIN

PENGENALAN

Mesyyuarat kerja di Zon Utara pada 16-19 Oktober 2023 merangkumi lawatan ke dua (2) institusi iaitu Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia (iPharm), Pulau Pinang dan Institut Penyelidikan Veterinar (VRI), Ipoh.

Mesyyuarat kerja ini bertujuan bagi meninjau fasiliti di kedua-dua institusi dan melihat potensi kedua-dua institusi dalam menyumbang kepada PPVN.



Lawatan ke fasiliti haiwan
di Institut Penyelidikan Veterinar (VRI) Ipoh



Lawatan di Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia (iPharm)

INFOGRAFIK 2023

DANA LATIHAN PROGRAM VAKSIN (LPV)



OBJEKTIF DANA LATIHAN PROGRAM VAKSIN (LPV)

LPV bertujuan untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi mengukuhkan ekosistem pembangunan vaksin tempatan, selaras dengan matlamat negara kita untuk menjadi negara pengeluar vaksin menjelang 2030 seperti yang digariskan dalam Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Kebangsaan (PPVN).

**PERMOHONAN DILULUSKAN TAHUN 2023 :
28 PERMOHONAN (80%)**

**PERMOHONAN TIDAK
DILULUSKAN :
7 PERMOHONAN (20%)**

MOD KURSUS



Sumber : MOSTI 2023


INFOGRAFIK 2023

PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN (R&D) VAKSIN DI BAWAH PENDANAAN MOSTI

Terdapat tiga (3) dana yang berkaitan dengan penyelidikan dan pembangunan vaksin di bawah MOSTI iaitu:

- i) Dana Penyelidikan Strategik atau Strategic Research Fund (SRF);
- ii) Dana MOSTI Combating COVID-19 Fund (MCCOF); dan
- iii) Dana Pembangunan dan Pengukuhan Penghasilan Vaksin Negara (DPVN).

DATA PLATFORM PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN (R&D) VAKSIN



DATA PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN (R&D) VAKSIN

Jumlah Permohonan	10
Jumlah Lulus	5
RI	2
IPTA / IPTS	1
Industri	2

Sumber : MOSTI 2023

Terdapat beberapa platform pembangunan vaksin pada peringkat R&D yang dijalankan oleh IPTA/IPTS/industri yang memohon seperti viral vector, mRNA, Live Attenuated, Sub-unit, GRAS dan microbial.

Sumber : Dana Penyelidikan Strategik MOSTI dan Dana Pembangunan dan Pengukuhan Penghasilan Vaksin Negara (DPVN).

DARI MEJA MVPO

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)



MVPO: MEMPERKASAKAN EKOSISTEM VAKSIN NEGARA

Bagi memantapkan pelaksanaan PPVN, Pejabat Pengurusan Projek Pembangunan Vaksin Malaysia (MVPO) telah ditubuhkan dan beroperasi sepenuhnya pada 26 September 2022 dengan kekuatan anggota sebanyak 12 orang.

Terdapat empat (4) kluster di bawah MVPO iaitu Kluster Pembiayaan dan Pembangunan Ekosistem, Kluster Pembangunan Vaksin Halal, Tadbir Urus dan Pentadbiran, Kluster Keupayaan Kajian Klinikal dan R&D, dan Kluster Vaksin dan Logistik.

Pengenalan MVPO

Objektif MVPO

Fungsi & Tanggungjawab

Dalam Memori 2023



HASA UTM PUNCAK ALAM
16 MEI 2023



DASAR & PENYELIDIKAN KPT
17 MAC 2023



CEPI'S NIPAH PORTFOLIO & TECHNICAL PROGRAM
19-20 JUN 2023



ASEAN CONSULTATIVE MEETING ON AVSSR 2023
10-11 JULAI 2023



MESYUARAT BERSAMA TECHNOLOGY DEPOSITORY AGENCY (TDA)
12 SEPTEMBER 2023



BENGKEL PEMILIHAN CALON VAKSIN
1-3 NOVEMBER 2023



LAWATAN KERJA KE i-PHARM
19 OKTOBER 2023



PASUKAN VAKSIN IMR (VacT)



ADB-CoRE VACCINE SEMINAR
5-7 OCTOBER 2023



RAYA BERSAMA NIH
18 MEI 2023



CLINICAL TRIAL DAY
11 MEI 2023



STAKEHOLDER ENGAGEMENT
30 NOVEMBER 2023



PERSARAAN PENGARAH IMR
6 DISEMBER 2023



OPEN HOUSE MIGHT
16 MEI 2023



URUS SETIA MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN MOSTI
17 APRIL 2023



PAMERAN PLS HARI SUKAN NEGARA
13 OKTOBER 2023



SESI LIBAT URUS KHAZANAH NASIONAL
23 JUN 2023



PERBINCANGAN MENGENAI PELANTIKAN KETUA KLUSTER PPE
13 JUN 2023



URUS SETIA SAMBUTAN HARI RAYA SEKTOR T
19 MEI 2023



URUS SETIA HARI KELUARGA MOSTI
4 MAC 2023

MVPO MOSTI

PEMBERITAHUAN

PERMOHONAN GERAN PENYELIDIKAN DI BAWAH PROGRAM PEMBANGUNAN DAN PENGUKUHAN PENGHASILAN VAKSIN BAGI TAHUN 2024



sekretariatdpvn@mosti.gov.my



PEMBERITAHUAN

Dana Latihan Program Vaksin (DLPV)



sekretariat.ecc@nibm.my



